

TEKS UCAPAN

**YBHG BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KARYA SENI 1MCAT
PERLIS IN PERSPECTIVES
23 OKTOBER 2013
AUDITORIUM, PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN
PUTRA**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, yang juga Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir bagi menyempurnakan **Majlis Perasmian Pameran Karya Seni 1MCAT Perlis In Perspectives** di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada pagi ini memberi seribu makna kepada kami warga UniMAP. Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun, Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

Salutasi

Yang Berbahagia Tuan Ramli Da'i, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,

Yang Berbahagia Tuan Ramzi Abu Yazid, Timbalan Pengarah Kanan Sekretariat Shopping Malaysia, Tourism Malaysia, mewakil Dato' Sri Dr. Ng. Yen Yen, Penggerusi Tourism Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Dr Ahmad Redzuan Abd Rahman, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Negeri Perlis,

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP

Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP

Delegasi Tourism Malaysia dan Persatuan Seni Malaysia

Ahli-Ahli Persatuan Pelukis Negeri Kedah dan Perlis

Rakan-rakan Media, Para pelajar

Seterusnya Hadirin yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP

Kata Aluan

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul bersama untuk meraikan Majlis **Perasmian Pameran Karya Seni 1MCAT** di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Universiti Malaysia Perlis atau singkatannya UniMAP. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat Tourism Malaysia, Persatuan Seni Malaysia, Persatuan Pelukis Kedah dan Persatuan Pelukis Perlis di atas sumbangan kreativiti yang diberikan sekaligus merealisasikan Pameran Karya Seni 1MCAT 2013 ini. Universiti ini telah menyambut ulang tahun sedekad penubuhannya tahun lalu dan kini sedang melebarkan sayapnya dalam bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan berimpak.

3. UniMAP juga kini menjadi destinasi pengajian tinggi kepada lebih 11,000 para pelajar dari seluruh Malaysia dan dua puluh tiga (23) negara seluruh dunia.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Pelbagai program pengantarabangsaan yang dilaksanakan di UniMAP telah menarik para cendikiawan dan ilmuan dari seluruh dunia ke negeri terutara di Semenanjung Malaysia ini.

Terbaru, program **Asian University Presidents Forum ke-12** telah menyaksikan UniMAP sebagai universiti pertama yang terpilih menjadi tuan rumah di negara Asia.

5. Turut membanggakan adalah kita telah berjaya mengumpulkan 67 presiden dan wakil institusi pengajian tinggi dari 22 negara Asia. Pada 1 November 2013, UniMAP sekali lagi akan merakam sejarah untuk muncul sebagai tuan rumah kepada *Asian Universities Woodball Championship* yang akan mengumpulkan para pemain Woodball dari seluruh universiti di Asia. Selain itu, pada Februari 2014 pula, UniMAP akan menganjurkan *Academy of Islamic Scientists* yang bakal menjana wacana keilmuan di Negeri Perlis yang tercinta.
6. Senario ini penting untuk saya kongsikan bersama kerana UniMAP sememangnya meraikan inisiatif dan strategi pengantarabangsaan dalam pelbagai bidang meliputi bidang akademik, penyelidikan, sukan dan kebudayaan.

7. Justeru itu, penganjuran Pameran Karya Seni 1MCAT 2013 di UniMAP ini amat kami raikan dalam usaha menempatkan Malaysia umumnya dan Perlis khususnya sebagai destinasi seni kepada para karyawan seluruh dunia. Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia, UniMAP komited terhadap usaha mempromosi sektor Pelancongan Pendidikan atau ***edu-tourism*** untuk menjana ekonomi industri pelancongan di negara ini.
8. Australian umpamanya dianggarkan menerima lebih 200,000 pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi yang menjadikan sektor edu-tourism amat berdaya saing di negara tersebut.
9. Penawaran program pengajian dan fasiliti bertaraf dunia serta penganjuran program yang menyerlahkan keunikan negara sememangnya menjadi faktor kejayaan kritikal untuk melonjak sektor ***edu-tourism*** di negara ini.

Hadirin sekalian,

10. Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang memartabatkan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan keusahawanan, UniMAP tidak pernah mengabaikan aspek sosio-budaya dalam pembangunan sahsiah pelajar. Matlamat strategik menghasilkan graduan berbakat istimewa atau “exceptionally talented graduates” memacu pelaksanaan pelbagai inisiatif merentasi disiplin di UniMAP. Ini adalah kerana UniMAP berkeyakinan bahawa faktor yang membezakan seorang graduan yang hebat berbanding graduan lain ialah penguasaan *soft-skills* atau kemahiran insaniah.

11. UniMAP komited untuk menghasilkan jurutera yang berupaya menyumbang kepada kesejahteraan sejagat melalui adunan penguasaan saintifik, kreativiti dan inovatif. Sama ada kita sedar atau tidak, ramai daripada artis dan karyawan terkemuka dunia merupakan saintis dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan.

- i. Albert Einstein umpamanya petah bermain alat muzik seperti violin, dan berbakat menghasilkan cereka pendek.
- ii. Akito Arima, mantan Presiden Tokyo University umpamanya amat terkenal sebagai ahli fizik dalam bidang nuklear dan pada masa sama seorang ahli puisi “**Haiku**” yang hebat.
- iii. Alfred Hitchcock, pengarah filem suspens dan seram merupakan lulusan bidang pengajian kejuruteraan daripada *London County Council School of Engineering and Navigation*.
- iv. Contoh paling popular ialah Rowan Atkinson, pemain watak jenaka pintar Mr Bean memegang lulusan sarjana dalam bidang Kejuruteraan daripada *Oxford University*.
- v. Sementara Tun Mahathir Mohamad merupakan seorang pakar perubatan, namun telah menghasilkan puluhan buku dalam bidang sosio-politik.

12. Adakah jurutera dan artis atau mereka dalam bidang kesusasteraan hidup dalam dunia yang berbeza. Pada saya, jawapannya mungkin betul. Namun, Leonardo da Vinci seorang pelukis tersohor tidak hanya melukis karya agung seperti Mona Lisa. Leonardo da Vinci juga telah menghasilkan lakaran pertama sebuah helikopter!

Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Menghasilkan graduan yang mempunyai keterampilan dan bakat hebat memerlukan jalinan serta adunan resepi yang tepat. Persembahan karya seni kreatif kontemporari ini amat penting kepada mahasiswa untuk mencari nilai dan makna, memahami ekspektasi masyarakat, membuka minda, mengasah kreativiti dan menjana inovasi. Sebagaimana yang disebut oleh *Malcom D. Schuster*, seorang ahli fizik nuklear terkenal, memupuk minat terhadap bidang lain seperti muzik, kesusateraan, bahasa, lukisan dan lain-lain sebenarnya membentuk pelajar kejuruteraan menjadi jurutera yang lebih baik.

14. Kepentingan kesusateraan dan kesenian juga mendorong *Michigan Technological University* (MTU) memperkenalkan pelan pemasaran melalui **STEMM** yang merujuk kepada lima tagline berikut:

S: Scientists make great storytellers make great scientists

T: Technology makes great theater makes great technology

E: Engineers make great artists make great engineers

M: Mathematicians make great musicians make great mathematicians

M: Managers make great producers make great managers

15. Sehubungan itu sebagai Naib Canselor saya yakin Penganjuran 1MCAT 2013 buat pertama kali di Negeri Perlis mencerminkan keprihatinan, komitmen dan wawasan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Pro Canselor, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akhashah Khalil terhadap pembangunan total Negeri Perlis tercinta.

16. Melalui rangkaian kerja sama antara Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua, sekian banyak pameran berimpak telah dinikmati oleh masyarakat Perlis. Sekian banyak pameran berimpak telah dijalankan melalui inisiatif Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dengan pihak kedutaan dari pelbagai negara. Malahan, siri Pameran Karya Seni 1MCAT dilihat menghubungkan beberapa institusi di Perlis meliputi institusi pengajian tinggi, perpustakaan dan Jabatan Laut. Menjunjung kasih Tuanku.
17. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang banyak membantu, memberi sokongan serta pandangan bernalas dalam menjaya program ini. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang dapat membalas kebaikan ini.
18. Tidak lupa juga pihak Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra dibawah pimpinan Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Ketua Pustakawan serta seluruh jawatankuasa di atas kerja keras yang dilakukan dalam merealisasikan 1MCAT 2013 ini.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli tuanku berdua kerana sudi mencemar duli berangkat hadir ke majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.